

23/05/2003

Banteras VCD lucah, judi diseragam

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan menyeragamkan penguatkuasaan bagi meningkatkan keberkesanan membendung kegiatan negatif seperti pengedaran cakera padat video (VCD) lucah dan perjudian.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata langkah itu dilaksanakan berikutan wujud kekeliruan dalam menentukan bidang kuasa pihak yang berhak mengambil tindakan sehingga menyukarkan pelaksanaan undang-undang.

"Contohnya, bandar raya (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) keluarkan lesen untuk premis tapi apa yang ada dalam tempat itu bukan bidang kuasa mereka.

Kalau ada yang buat judi di situ, itu tindakan polis pula.

"Oleh itu, kita kena ada penyelarasan. Penguatkuasaan nampaknya kurang berkesan kerana sesetengah undang-undang sudah lapuk dan ada yang tidak memadai, manakala ada pula yang disalah tafsir.

"Kita kena betulkan semua ini. Kita perlu menyeragamkan penguatkuasaan bagi memastikan pengedaran VCD lucah dapat diselesaikan," katanya selepas

mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, di ibu pejabat Umno, semalam.

Beliau berkata ada kira-kira 50,000 tempat perjudian di seluruh negara yang dengan sendirinya membataskan kemampuan pihak penguatkuasaan.